

U B728 DEB

MAHATHIR - DEB

KOTA BAHARU, 29 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PIHAK-PIHAK TERTENTU DI LUAR NEGERI YANG HENDAK MENUNMBANGKAN KERAJAAN SEDANG BERUSAHA MEMBANGKITKAN KEMARAHAN RAKYAT KHUSUSNYA ORANG MELAYU TERHADAP DASAR EKONOMI BARU (DEB).

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA MEMUTARBELITKAN KENYATAAN BELIAU DALAM AKHBAR-AKHBAR ASING KONONNYA BELIAU MENGARAHKAN DEB DIKETEPIKAN DALAM MENCAPAI PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA DENGAN HARAPAN ORANG MELAYU TIDAK LAGI AKAN MENYOKONG KERAJAAN.

+KALAU BOLEH, MEREKA HENDAK KERAJAAN YANG ADA HAPUS OLEH SEBAB KITA TEGAS DALAM PERKARA-PERKARA TERTENTU. SEBENARNYA MEREKA HARAP KERAJAAN NEGARA INI LEMAH AGAR SENANG MEREKA MEMUTARBELITKANNYA,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG KELAPAN PERSATUAN PEMBORONG-PEMBORONG BINAAN MALAYSIA DI SINI.

BELIAU BERKATA PIHAK-PIHAK BERKENAAN MENDAKWA BAHAWA DEB HANYA MENGUNTUNGGAN BEBERAPA KERAT BUMIPUTERA TERMASUK PARA KONTRAKTOR YANG KONONNYA MENJADI ANAK EMAS KERAJAAN DAN SEMUANYA KAYA-KAYA BELAKA.

+SAYA MENYEBUT PERKARA INI KERANA IA SEKARANG SUDAH SAMPAI PADA PERINGKAT ORANG-ORANG MELAYU SENDIRI SUDAH MULA MENGECEM DEB SEHINGGA MENIMBULKAN MASALAH KEPADA KERAJAAN DALAM MELAKSANAKAN DASAR ITU,+ KATA BELIAU. -- LAGI.

1258MST 29 06 86

U B729 DEB

MAHATHIR - DEB 2 KOTA BAHARU

KATANYA, SEKARANG INI DEB MENDAPAT BANYAK TENTANGAN DARIPADA BUMIPUTERA SENDIRI TERUTAMA KALANGAN PELAJAR YANG SEBENARNYA MENDAPAT FAEDAH MELANJUTKAN PELAJARAN DI BAWAH DASAR ITU.

MEREKA GAGAL MELIHAT FAEDAH DASAR ITU DARIPADA SEGI MEMBERI PELUANG PELAJARAN DAN SEBALIKNYA PULA MENGUTUKNYA SEBAGAI HANYA MENGUNTUNGGAN BEBERAPA ORANG BUMIPUTERA SAHAJA, TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENGESEALI SIKAP SETENGAH-SETENGAH ORANG MELAYU YANG TANPA MENYDALSELIDIK DAKWAAN DAN KECAMAN TERHADAP DEB, TERPENGARUH DENGANNYA DAN TIDAK LAGI MAHU MENYOKONG DASAR BERKENAAN.

+KALAU ORANG MELAYU SUDAH TIDAK MENYOKONG DASAR ITU MAKA SUKARLAH BAGI KERAJAAN MELAKSANAKANNYA DAN KALAU IA GAGAL DILAKSANAKAN, MAKA SIAPAKAH YANG AKAN UNTUNG? KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA SEPERTI YANG KERAP KALI DIJELASKAN, DEB BERTUJUAN MENENTUKAN PEMBANGUNAN ORANG MELAYU SEIMBANG DENGAN KAUM-KAUM LAIN DALAM SEMUA BIDANG. -- LAGI.

1300MST 29 06 86

U B744 DEB

MAHATHIR - DEB 3 KOTA BAHARU

IA BUKAN SEMATA-MATA BERMAKSUD PENYERTAAN ORANG MELAYU DALAM PEGANGAN SAHAM SYARIKAT-SYARIKAT SAHAJA TETAPI JUGA TIDAK KURANG PENTINGNYA DALAM BIDANG PELAJARAN DAN PEKERJAAN AGAR ORANG MELAYU DAPAT MENGISI JAWATAN-JAWATAN TERTENTU DALAM SYARIKAT-SYARIKAT MELALUI KEMAMPUAN MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA ASAS PERLAKSANAAN DEB TERLETAH KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA, YANG TANPANYA KERAJAAN TIDAK BERUPAYA MEMBAHAGI-BAHAGIKAN FAEDAH DARIPADA PERTUMBUHAN ITU.

KATANYA OLEH SEBAB EKONOMI YANG PADA SUATU MASA DAHULU BERKEMBANG LAPAN PERATUS SETAHUN TETAPI KINI MUNGKIN 2.6 PERATUS PUN SUKAR DIPEROLEH, YANG LEBIH PENTING IALAH MEWUJUDKAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN AGAR GRADUAN-GRADUAN BUMIPUTERA TIDAK MENGGANGGUR.

+OLEH YANG DEMIKIAN, SEKARANG INI KITA MESTI MENUMPUNKAN PERHATIAN KEPADA USAHA MENUMBUHKAN EKONOMI NEGARA DAN BUKANNYA PENYERTAAN SAHAM BUMIPUTERA,+ JELAS PERDANA MENTERI.

SEKIRANYA ADA SYARIKAT-SYARIKAT BARU HENDAK DITUBUHKAN, MAKA KERAJAAN AKAN MENGEQUALIKAN SYARAT PEGANGAN SAHAM BUMIPUTERA ASALKAN HASIL PENUBUHANNYA PARA PEKERJA BUMIPUTERA SAMA ADA MAHIR ATAU SEPARUH MAHIR MENDAPAT PEKERJAAN. -- LAGI.

1340MST 29 06 86

U B745 DEB

MAHATHIR - DEB 4 KOTA BAHARU

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA JANGAN MUDAH TERPESONG OLEH DAKYAH-DAKYAH PIHAK-PIHAK TERTENTU SEHINGGA HILANG KEPERCAYAAN TERHADAP KERAJAAN DAN DASAR YANG SAMA-SAMA DIBENTUK KERANA JIKA INI BERLAKU MEREKA SENDIRI YANG RUGI.

MENGENAI KONTRAKTOR-KONTRAKTOR BUMIPUTERA, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA SESUATU DASAR KERAJAAN SEPERTI DASAR SIAPGUNA BAGI PROJEK-PROJEK BESAR KERAJAAN SEKALI-KALI TIDAK BERNIAT HENDAK MERUGIKAN MEREKA TETAPI SEBENARNYA DILAKSANAKAN KERANA SEBAB-SEBAB TERTENTU SEPERTI MENJIMATKAN WANG DAN MENDAPAT PEMINDAHAN TEKNOLOGI DARIPADA KONTRAKTOR-KONTRAKTOR ASING.

KATANYA JIKA DASAR ITU TIDAK DILAKSANAKAN PUN, TIDAK ADA KONTRAKTOR BUMIPUTERA YANG BOLEH MENGENDALIKAN PROJEK-PROJEK BERKENAAN DAN MALAHAN PROJEK-PROJEK YANG LAIN YANG MEREKA DAPAT, ADA YANG TIDAK DAPAT DISIAPKAN MENGIKUT JADUAL.

SEBALIKNYA DENGAN DASAR ITU MEREKA MENDAPAT PENYERTAAN 30 PERATUS SERTA FAEDAH DARIPADA SEGI MEMPELAJARI SISTEM PENGURUSAN KONTRAKTOR ASING BAGAIMANA MENYIAPKAN PROJEK MENGIKUT JADUAL TANPA MELIBATKAN PERTAMBAHAN KOS YANG TINGGI.

MENGENAI MASALAH KONTRAKTOR BUMIPUTERA MEMBAYAR PINJAMAN BANK, BELIAU BERKATA KERAJAAN TELAH MEMINTA INSTITUSI KEWANGAN DAN BANK SUPAYA JANGAN TERLALU MENEKAN PEMINJAM TETAPI SEBALIKNYA MEMBANTU MEREKA AGAR DAPAT MEMBAYAR PINJAMAN DAN AGAR BANK JUGA TIDAK RUGI. -- BERNAMA.

1344MST 29 06 86